



BANGUNAN Perpustakaan Kanak-Kanak Taman Tun Dr. Ismail.

PERPUSTAKAAN KANAK-KANAK TERBAIK DI KUALA LUMPUR

BANGUNAN yang berada di tengah-tengah kawasan perumahan moden Taman Tun Dr. Ismail itu bernilai \$250,000 semasa dihadiahkan oleh mendiang jutawan Tan Sri Dr. Lee Yan Lian.

Ia kini menempatkan perpustakaan kanak-kanak yang terbaik di dalam dan di sekitar ibu kota.

Pustaka Bimbingan (Taman Tun Dr. Ismail) yang dirasmikan dalam bulan September 1981 ialah satu dari dua perpustakaan khas untuk kanak-kanak di Kuala Lumpur.

Tetapi disebabkan kedudukannya di sempadan Wilayah Persekutuan, ia banyak menerima ahli-ahli daripada Damansara, Petaling Jaya dan Subang Jaya.

"Ada juga ibu bapa dari Kelang yang memohon supaya anak-anak mereka diterima menjadi ahli, tetapi pihak kami terpaksa menolak kerana ia terlalu jauh," ujar Puan Fuziah Abdul Rahman. Ini menunjukkan betapa popularnya perpustakaan itu.

Taman Bimbingan (Taman Tun Dr. Ismail) kerap dikunjungi oleh kanak-kanak. Ahli-ahlinya dihadkan di antara umur empat hingga 12 tahun sahaja.

Kata Puan Fuziah: "Saya perhatikan minat membaca kanak-kanak di sini timbul dari dalam diri sendiri. Mereka membaca bahan yang dipilih sendiri. Kadang-kadang ibu bapa yang turut bersama ke dalam perpustakaan cuba memilihkan buku-

buku untuk mereka, tetapi mereka tidak mahu menerima.

Kelas melukis dikendalikan oleh seorang tenaga sukarela. Beliau ialah seorang guru lukisan.

Sambutan yang diberikan oleh kanak-kanak terhadap kegiatan-kegiatan ini sebagaimana yang diberikan terhadap buku-buku di dalam perpustakaan itu sangatlah menggalakkan, menurut Puan Fuziah.

Contohnya, kerap per-

pustakaan dipadati oleh kanak-kanak yang ingin menyertai satu-satu kegiatan yang dijalankan.

Di samping melakukan pengumpulan buku-bukunya, Pustaka Bimbingan itu juga turut menerima sumbangan bahan-bahan bacaan daripada ibu bapa. Terdapat juga mereka yang menyumbangkan barang-barang lain yang boleh digunakan oleh kanak-kanak di situ seperti kusyen, menurut Puan Fuziah lagi.